

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PERSEKUTUAN)**

**EDARAN KHAS KPTG BIL. 6 TAHUN 2008**

**MESEJ DARI MESYUARAT KHAS KSU/PTG PADA  
28 FEBRUARI 2008**

---

1. Edaran Khas ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbiran Tanah Negeri mengenai beberapa mesej yang telah disampaikan oleh Y. Bhg. Datuk Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (KSU NRE) kepada Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG Negeri) semasa Mesyuarat Khas KSU NRE dengan PTG Negeri pada 28 Februari 2008 yang lalu bertempat di Bilik Mutiara, Aras 13, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Wisma Sumber Asli, di Putrajaya.

2. Di antara mesej yang perlu diambil maklum oleh Pentadbiran Tanah Negeri ialah berkaiatan usaha-usaha penambahbaikan yang telah dianjurkan dan dibincang dalam mesyuarat-mesyuarat, bengkel, seminar pentadbir tanah dan siri perbincangan-perbincangan sebelum ini. Antara usaha-usaha ini adalah seperti berikut:

- a. Meminta sistem e-consent digunapakai oleh semua negeri. Maklumbalas daripada negeri yang telah menggunakan sistem ini menunjukkan kesan yang positif disegi menjimatkan masa proses kepada purata dua minggu berbanding sehingga enam bulan sebelum ini. Bagi negeri-negeri yang belum ada penurunan kuasa, sukacitalah dapat Pengarah Tanah dan Galian Negeri berkenaan mengemukakan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri. Jika jangka masa keputusan dapat dibuat segera, penurunan kuasa adalah tidak perlu ( kenyataan pihak REHDA)

- b. supaya kaunter di Pejabat Tanah dibuka waktu tengahari bagi membolehkan pemilik tanah yang bekerja ada masa untuk berurusan dengan pentadbiran tanah. Ia boleh dibuat dengan cara penggiliran anggota di kaunter.
  - c. supaya pentadbiran tanah tidak lagi meminta pemohon menyertakan resit cukai tanah untuk berurusan dengan pejabat tanah. Maklumat bayaran cukai ini boleh didapati daripada sistem hasil di pejabat tanah yang ada di Pejabat Tanah.
  - d. supaya amalan pentadbiran tanah Negeri Johor dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain. Pekeliling PTG Johor bilangan 10/86 mengenai pemberian **kebenaran yang menyeluruh bagi cagaran/gadaian (kepada institusi yang disenaraikan) untuk tanah-tanah yang dikenakan sekatan kepentingan** membolehkan permohonan bagi kebenaran pindahmilik/cagaran dibuat bersekali dengan permohonan pindahmilik. Dengan ini pemohon berkenaan tidak lagi perlu mengangkat dua kali permohonan (permohonan kebenaran pindahmilik/ gadaian dan permohonan pindahmilik).
  - e. ada borang yang dikenakan bayaran dengan harga RM 1 atau RM 2. Adalah wajar supaya **bayaran ini ditiadakan** dan semakan ke atas peraturan tanah negeri dibuat supaya hasil ini dimasukkan dalam fi yang lain yang munasabah.
  - f. usaha perlu diteruskan bagi **menyemak semula peraturan tanah negeri dan amalan-amalan dalam melaksanakan tugas harian.**
3. **Semua ptg diminta menyambut dan melaksanakan semua usaha-usaha penambahbaikan ini** bagi menambahbaik penyampaian

perkhidmatan pentadbiran tanah dan menyumbang kepada daya kompetitif negara.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'Z' followed by a horizontal line and a small flourish at the end.

( **DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF** )  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Tarikh : 28 Mei 2008